

SPRM hubungi DBKL dakwaan rasuah ahli lembaga penasihat

Siasatan akan dilaksanakan jika wujud elemen salah guna kuasa

Oleh Mohd Haris Fadli
Mohd Fadzil

bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menghubungi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berhubung dakwaan rasuah membabitkan salah laku salah seorang ahli lembaga penasihatnya.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, siasatan dalaman sedang dijalankan berhubung dakwaan pemberian projek berjumlah RM4 juta.

“Kita tunggu dan lihat apa hasil siasatan yang dijalankan. Esok (hari ini) pegawai saya akan hubungi Unit Integriti DBKL. Jika wujud elemen jenayah iaitu salah guna kuasa dan rasuah kita akan jalankan siasatan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu media melaporkan, SPRM sedia membantu DBKL da-



lam siasatan terhadap dakwaan salah laku seorang ahli lembaga penasihat berkaitan pemberian projek bernilai RM4 juta.

Dakwaan tular di media sosial

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, tiada siasatan dibuka oleh pihaknya berhubung dakwaan itu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif, sebelum ini dilaporkan berkata,

pihaknya sedang bekerjasama rapat dengan unit integriti DBKL berhubung dakwaan itu.

Dakwaan salah laku membabitkan ahli lembaga penasihat itu mula tular di media sosial baru-baru ini.

Ia membabitkan pelanggaran proses tadbir urus berkaitan perolehan projek kerja penerbitan bahan kreatif untuk DBKL yang didakwa tidak diberikan melalui tender terbuka.

Menurut dakwaan di media sosial, ahli lembaga penasihat itu juga didakwa memegang jawatan dalam syarikat yang dianugerahkan projek berkenaan.

Maimunah berkata, DBKL masih mengumpul maklumat dan bukti mengenai perkara ini sebelum memutuskan langkah seterusnya, termasuk membuat laporan kepada SPRM.

“Esok (hari ini) pegawai saya akan hubungi Unit Integriti DBKL. Jika wujud elemen jenayah iaitu salah guna kuasa dan rasuah kita akan jalankan siasatan”



Ahmad Khusairi Yahaya,
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM

